



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU PERTAMA 2022**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU PERTAMA 2022**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku pertama (Q1) 2022, prestasi jualan runcit menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 3.9 peratus dengan anggaran nilai menurun daripada BND468.5 juta kepada BND450.1 juta. Dari segi volum jualan, ianya juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 8.4 peratus tahun-ke-tahun.
2. Penurunan jualan runcit didorong terutamanya oleh penurunan jualan di Stesen Minyak sebanyak 21.7 peratus, berikutan kekurangan permintaan domestik memandangkan adanya pengurangan pergerakan berikutan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (*online*) dan juga sebilangannya bertugas dari rumah (*work from home*). Ini diikuti dengan penurunan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 5.6 peratus, jualan Lain-lain 12.5 peratus, jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut 19.7 peratus, dan jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di Kedai Khusus 10.9 peratus. Di samping itu, volum jualan bagi aktiviti-aktiviti runcit ini juga mencatatkan penurunan.
3. Bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya juga telah menurun sebanyak 10.3 peratus berbanding Q1 2021 dengan anggaran hasil jualan menurun daripada BND104.0 juta kepada BND93.3 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 10.6 peratus tahun-ke-tahun.

4. Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan terutamanya oleh hasil jualan Restoran yang menurun sebanyak 12.6 peratus berikutan adanya had kapasiti yang ditetapkan iaitu sebanyak 75 peratus bagi memasuki premis tersebut berbanding kapasiti penuh pada suku pertama tahun sebelumnya yang juga selaras dengan volum jualan yang rendah. Ini diikuti dengan penurunan hasil jualan di Kedai Makanan Segera sebanyak 5.7 peratus, Aktiviti Perkhidmatan Katering 15.0 peratus, Aktiviti Penyajian Minuman 12.7 peratus, dan Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan 1.5 peratus.
5. Berbanding dengan suku keempat (Q4) 2021, jualan runcit pada Q1 2022 telah meningkat sebanyak 4.8 peratus disebabkan oleh peningkatan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 6.7 peratus, jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut 44.1 peratus, jualan di Stesen Minyak 14.6 peratus, jualan Jam Tangan dan Barang Kemas 18.1 peratus, dan jualan di Pasar Raya 4.1 peratus.
6. Manakala bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah mencatatkan peningkatan sebanyak 19.3 peratus pada Q1 2022 berbanding Q4 2021 terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil jualan bagi Restoran sebanyak 24.4 peratus, Kedai Makanan Segera 14.0 peratus, Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan 9.6 peratus, Aktiviti Perkhidmatan Katering 6.3 peratus, dan Aktiviti Penyajian Minuman 6.8 peratus.
7. Berbanding dengan Q4 2021, peningkatan pada aktiviti jualan runcit dan perkhidmatan makanan & minuman ini adalah selaras dengan peningkatan permintaan domestik memandangkan langkah-langkah pengawalan telah dikurangkan seperti peningkatan kapasiti bagi memasukkan pelanggan ke premis-premis peniagaan iaitu daripada 50 peratus kepada 75 peratus berikutan dengan peralihan ke fasa endemik COVID-19.
8. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2022

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the first quarter (Q1) 2022, the performance of the retail sales showed a year-on-year decrease of 3.9 per cent with an estimated value decreased from BND468.5 million to BND450.1 million. In terms of volume, the retail sales also recorded a negative growth of 8.4 per cent year-on-year.*
2. *The decline in retail sales was mainly caused by a drop in sales at Petrol Stations by 21.7 per cent, due to lack of domestic demand in view of limited movements following online learning and teaching as well as some work-from-home arrangements. This was followed by the decrease in the sales in Department Store by 5.6 per cent, sales of Others 12.5 per cent, sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear 19.7 per cent, and sales of Hardware, Paints and Glass in Specialized Stores 10.9 per cent. In addition, the sales volume of these retail activities also registered a decrease.*
3. *As for the food and beverages services, it has also decreased by 10.3 per cent compared to Q1 2021 with an estimated sales revenue decreased from BND104.0 million to BND93.3 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a negative growth of 10.6 per cent year-on-year.*

4. *The decline in sales revenue of food and beverages was mainly attributed to a decline in the sales revenue of Restaurants by 12.6 per cent as a result of dine-in capacity limitations at 75 per cent compared to full capacity in quarter one of the previous year which was also in line with lower sales volume. This was followed by the decline in the sales revenue of Fast-Food Outlets by 5.7 per cent, Catering Service Activities 15.0 per cent, Beverage Serving Activities 12.7 per cent, and Other Food Service Activities 1.5 per cent.*
5. *Compared to the fourth quarter (Q4) 2021, the retail sales in Q1 2022 has recorded an increase of 4.8 per cent mainly due to an increase in the sales in Department Store by 6.7 per cent, sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear 44.1 per cent, sales in Petrol Station 14.6 per cent, sales of Watches and Jewellery 18.1 per cent, and sales in Supermarket 4.1 per cent.*
6. *As for the food and beverage services, it has also recorded an increase of 19.3 per cent in Q1 2022 compared to Q4 2021 mainly due to the increase in sales revenue of Restaurants by 24.4 per cent, Fast-Food Outlets 14.0 per cent, Other Food Service Activities 9.6 per cent, Catering Service Activities 6.3 per cent, and Beverage Serving Activities 6.8 per cent.*
7. *Compared to Q4 2021, the increase in retail sales and food & beverage services activities was in line with the rise in domestic demand as most control measures were reduced, such as increasing the capacity for the entry of customers into business premises from 50 per cent to 75 per cent following the transition to the COVID-19 endemic phase.*
8. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*